




▶ **18 SALURAN**
air ke laut sedia ada

▶ **3 SALURAN**
selepas projek siap



Deretan bongkah konkrit di pantai Dataran Sri Kemang menjejaskan keindahan pantai dan panorama laut.
[FOTO NOR AZIAH OTHMAN/ BH]

Pantai konkrit

» Bongkah besar jejas pandangan pelancong untuk nikmati keindahan pantai Dataran Sri Kemang

Oleh Nor Aziah Othman
bhnews@bharian.com.my

► **Port Dickson**

Pengunjung yang datang mahu menikmati keindahan samudera, tetapi sebaliknya yang berlaku di pantai Dataran Sri Kemang, di sini.

Mereka terkejut dan kecewa kerana apa yang mampu dilihat ialah deretan bongkah konkrit yang menghadang pengunjung melihat laut.

Di kalangan peniaga di situ, mereka bimbang jika keadaan itu berlarutan akan menyebabkan pengunjung tidak lagi datang, sebaliknya berpindah ke pantai lain.

Pengunjung kecewa

Seorang pengunjung, Nordin Hashim, 54, berkata kedatangan-

nya ke situ kali ini, amat mengecewakan kerana keadaan pantai dipenuhi bongkah konkrit.

“Apa pun projek yang hendak dilaksanakan di sini, saya harap pihak berkuasa dapat memantau kerja yang dijalankan kontraktor supaya tersusun dan selamat,” katanya.

Keadaan itu menyebabkan beliau terpaksa mencari pantai peranginan lain kerana mahu melihat keindahan laut dan bukan menghadap bongkah konkrit.

Peniaga makanan, Shamsuddin Abdul Talib, 41, pula berkata mereka menyokong kerja pemulihan pantai dalam jangka panjang untuk menarik lebih ramai pengunjung sekali gus meningkatkan pendapatan peniaga.

Harap cepat siap

Bagaimanapun, katanya kehadiran bongkah konkrit besar menakutkan pengunjung, apatah lagi apabila projek itu lambat disiapkan.

“Saya harap projek ini dapat disiapkan lebih cepat demi kebaikan semua pihak,” katanya.



“Pantai yang menjadi tumpuan ramai itu juga diperluaskan kira-kira **3.4 hektar**, sekali gus boleh menampung lebih ramai pengunjung”

Hashim Osman,
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan

Projek siap November

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Hashim Osman, berkata kerja pemulihan pantai itu dijangka siap akhir November ini.

Katanya, projek itu tidak tergendala seperti dakwaan sesetengah pihak kerana JPS terpaksa menunggu kelulusan permit membawa pasir yang akan sampai akhir bulan ini.

Selain itu, katanya, keadaan air pasang besar melewati kerja pemulihan pantai.

Atasi pencemaran pantai

“Projek ini bertujuan mengatasi pencemaran pantai dengan 18 saluran air sedia ada disatukan kepada hanya tiga saluran sekali gus mengawal kualiti air buangan yang dilepaskan ke laut,” katanya.

Beliau berkata, pantai yang menjadi tumpuan ramai itu juga diperluaskan kira-kira 3.4 hektar sekali gus boleh menampung lebih ramai pengunjung.

